

**PERJUANGAN POLITIK ISLAM MUHAMMAD BIN  
ABDUL KADIR (HAJI SULONG) TERHADAP  
MASYARAKAT MELAYU PATANI, THAILAND  
(1932-1954)**



**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

**PERJUANGAN POLITIK ISLAM MUHAMMAD BIN  
ABDUL KADIR (HAJI SULONG) TERHADAP  
MASYARAKAT MELAYU PATANI, THAILAND  
(1932-1954)**

**SAHRIANI BINTI ISHAK**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

**2022**

## PENGESAHAN

JUDUL : **PERJUANGAN POLITIK ISLAM MUHAMMAD BIN ABDUL KADIR (HAJI SULONG) TERHADAP MASYARAKAT MELAYU PATANI, THAILAND (1932-1954)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **SAHRIANI BINTI ISHAK** sesi **2019-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



---

**SAHRIANI BINTI ISHAK**  
**BA19110133**



---

**(PROFESOR MADYA DR. BILCHER BALA)**  
**PENYELIA**

## PENAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Perjuangan Politik Islam Muhammad Bin Abdul Kadir (Haji Sulong) terhadap Masyarakat Melayu Patani, Tanah Inder (1932-1954) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiapsatunya telah saya jelaskan sumbernya.



12 OGOS 2022

---

SAHRIANI BINTI  
ISHAK  
BA19110133



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izinnya, dapatlah dihasilkan sebuah kajian Tesis yang bertajuk "Perjuangan Politik Islam Muhammad Bin Abdul Kadir (Haji Sulong) terhadap Masyarakat Melayu Patani, Thailand (1932-1954)" ini sungguhpun masih terdapat beberapa kelemahan penulisan. Proses penyiapan tesis ini bukan sahaja mengambil masa yang agak panjang, bahkan ianya juga turut melibatkan ramai individu yang amat saya hargai bantuan mahupun sumbangan daripada mereka.

Dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih diajukan khusus buat penyelia latihan ilmiah saya, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala yang telah berkongsi dorongan, bimbingan dan pandangan ilmiah daripada beliau secara berterusan bagi membantu saya dalam proses penyiapan kajian ini. Beliau telah banyak membantu serta memperkenalkan kepada saya tentang dunia penulisan ilmiah dan bimbingan ikhlas daripada beliau amatlah saya hargai. Tanggungjawab sepenuhnya adalah datang dari diri saya sendiri tanpa harus mengaitkan segala kekurangan dalam tesis ini kepada penyelia saya. Tidak lupa juga sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) yang turut memberi dorongan secara langsung dan sebaliknya dalam menyelesaikan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada ibu bapa saya atas segala pertolongan khasyang diberikan sehingga saya berjaya ke tahap ini. Semoga mereka diberikan balasan yang sebaik-baiknya daripada Allah. Tidak dilupakan juga ribuan penghargaan kepada para sahabat yang banyak membantu dari segi idea-idea, motivasi, mahupun tenaga. Akhir sekali dari saya, hanya dengan taufik dan hidayat daripada Allah dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya. Oleh itu, semoga usaha saya dalam menghasilkan kajian ini dapat membawa faedah kepada diri sendiri dan seluruh umat Islam agar dapat memahami Islam yang sebenarnya menerusi kajian ini. Dengan itu, Semoga Allah memberkati dan melimpahkan rahmat-Nya kepada mereka semua. Segala yang baik dan sempurna adalah hak Allah semata-mata dan segala kekurangan dan kepincangan adalah hasil daripada kelemahan saya sendiri.

Sahriani Binti Ishak  
12 Ogos 2022

## **ABSTRAK**

Penelitian ini dilatarbelakangi dengan keadaan masyarakat Melayu Patani pasca Revolusi Thai 1932 khususnya di Patani (Wilayah Selatan Thailand) yang sering dipinggirkan dari pelbagai aspek kehidupan. Ini disebabkan pelbagai diskriminasi dan tekanan yang dilalui oleh masyarakat Patani ekoran dasar asimilasi Thai yang tidak dinafikan telah menggugat kehidupan mereka. Tambahan pula, pihak Thai sering menganggap bahawa punca ketidakstabilan politik yang berlaku di Selatan Thailand adalah didorong ekoran daripada bangsa Melayu itu sendiri. Oleh hal demikian, timbul kesedaran perpolitikan yang amat tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu pasca revolusi Thai untuk melibatkan diri dalam kegiatan politik dan melakukan tuntutan ke atas kerajaan Thai daripada situasi yang berlaku sehingga menimbulkan pelbagai konflik antara kerajaan Thailand dengan masyarakat Melayu Patani. Jelaslah dalam situasi yang membimbangkan di Selatan Thai, hadirnya seorang tokoh ulama pejuang terkenal iaitu Haji Sulong yang telah membawa perubahan kepada masyarakat Melayu Patani. Haji Sulong memandang bahawa masyarakat Melayu Patani tidak berlandaskan kepada ajaran Islam yang sebenar menerusi pentadbiran dan dasar-dasar yang dilaksanakan sewaktu pemerintahan Phibun Songkhram. Oleh itu, penelitian ini akan memperlihatkan perjuangan yang begitu besar dilakukan oleh Haji Sulong khususnya dalam memperjuangkan dan membawa idea-idea politik Islam bagi membela nasib masyarakat Melayu Patani. Perjuangan yang dimiliki oleh beliau sangat berpengaruh sehingga mampu membentuk penyatuan masyarakat dalam satu wadah perjuangan yang berteraskan sosio-politik Islam. Perjuangan politik Islam yang diterapkan oleh Haji Sulong juga membolehkan peningkatan taraf kehidupan dan melahirkan penyatuan dalam kepemimpinan mahupun penyatuan dalam masyarakat. Hasil perjuangan beliau membolehkan masyarakat Melayu Patani dapat menikmati dasar-dasar kerajaan yang lebih sesuai dan toleran yang tidak dinikmati oleh kelompok minoriti lain di Thailand.

Kata Kunci: Masyarakat, asimilasi, ketidakstabilan politik, konflik, Kepemimpinan, Perjuangan, Politik Islam, Penyatuan.

## **ABSTRACT**

### ***POLITICAL ISLAMIC STRUGGLE OF HAJI SULONG FOR THE PATANI MALAYS, THAILAND (1932-1954)***

This research is background Patani Malay Society in post-revolution Thai 1932 in Patani of South Thailand often marginalized some aspect life. This is due to the various discrimination and pressure that the Patani Malay Society goes through due to the Thai's assimilation which has undoubtedly threatened their lives. Thailand are always unstable and this instability Malay people are always regarded by Thai government as the cause. By that, the Malays in Southern Provinces in post-revolution Thai 1932 had a high political conscience for involved themselves in political activities and joining demonstrations as well as voicing demands to the Thai government thus causing conflict between Thai government and the Patani Malay Society. In the midst of these circumstance came a prominent cleric, Haji Sulong, who raised the spirit of the Malay community. Haji Sulong believe that the Malay society of Patani not based on the true teachings of Islam through the administration and policies implemented during the reign of Phibun Songkhram. This dissertation particularly focuses on the prominent role of Haji Sulong an ulama who bought with him Islamic political idea in his quest to empower the Patani Malays. His struggle was very influential and able to unite the community Islamic socio-political struggle based on Islam. Islamic Political struggle that applied by Haji Sulong also allows the improvement of the standard of living and giving unification in leaderships or unification in society. The remarkable effect of the struggle in that the Patani Malays are given more tolerable government policies than the other minorities in Thailand.

*Keywords: Society, assimilation, unstable politic, conflict, leadership, struggle, Islamic political, unification.*

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGESAHAN</b>	ii
<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI FOTO</b>	x
<b>SENARAIJADUAL</b>	xi
<b>SENARAI PETA</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB 1:      <b>PENDAHULUAN</b></b>	1
1.1    Pengenalan	
1.2    Permasalahan Kajian	3
1.3    Objekti Kajian	3
1.4    Kepentingan Kajian	4
1.5    Sorotan Literatur	10
1.6    Kaedah Kajian	11
1.7    Skop Kajian	11
1.8    Pembahagian Kajian	13
1.9    Kesimpulan	13
<b>BAB 2:      <b>LATAR BELAKANG PATANI DAN SEJARAH PERKEMBANGAN POLITIK ISLAM</b></b>	14
2.1    Pendahuluan	14



2.2	Latar Belakang Sejarah Awal Patani	17
2.2.1	Penubuhan Patani	20
2.3	Kedatangan Agama Islam di Patani	24
2.4	Zaman Kemajuan Patani Menerusi Pemerintahan Ratu	26
2.4.1	Pemerintahan Ratu Hijau	27
2.4.2	Pemerintahan Ratu Biru	28
2.4.3	Pemerintahan Ratu Ungu	29
2.4.4	Pemerintahan Ratu Kuning	30
2.5	Zaman Kejatuhan Patani dan Berakhirnya Empayar Melayu Islam Patani	33
2.6	Latar Belakang Masyarakat Melayu Islam Patani dari Pelbagai Aspek	34
2.6.1	Bangsa	35
2.6.2	Agama	36
2.6.3	Bahasa	36
2.6.4	Ekonomi	37
2.6.5	Pendidikan	38
2.7	Sejarah Perkembangan Politik Islam di Patani	41
2.8	Kesimpulan	42
<b>BAB 3:</b>	<b>HAJI SULONG DAN PERJUANGAN GERAKAN POLITIK ISLAM</b>	<b>43</b>
3.1	Pengenalan	43
3.2	Riwayat Hidup Haji Sulong	44
3.2.1	Keturunan dan Keluarga	45
3.2.2	Pendidikan Haji Sulong	48
3.2.3	Karya-Karya Haji Sulong	50
3.3	Pemikiran Haji Sulong	52
3.4	Sistem Politik Thai Sebelum Kedatangan Haji Sulong	55
3.4.1	Sitem Politik Thai semasa Kedatangan Haji Sulong	56
3.5	Perjuangan Gerakan Politik Islam dan Pembaharuan Haji Sulong	57
3.5.1	Perjuangan dalam Aspek Pendidikan Menerusi Madrasah al-Ma'arif al-Wataniah	58
3.5.1.1	Pengasasan Madrasah Pertama di Patani	59
3.5.1.2	Perjuangan dalam Penubuhan Madrasah	61

3.5.2	Perjuangan Keagamaan Secara Betabligh dan Menegakkan Hukum Syariah	62
3.5.2.1	Penubuhan al-Haiah alp Tanfizah	63
3.5.2.2	Penubuhan Majlis Agama	66
3.5.3	Perjuangan Politik dalam Tuntutan Tujuh Perkara	68
3.6	Kesimpulan	69
 <b>BAB 4 : REAKSI DAN KESAN PERJUANGAN HAJI SULONG</b>		 70
4.1	Pengenalan	70
4.2	Reaksi Terhadap Perjuangan Haji Sulong	71
4.2.1	Reaksi Masyarakat Melayu Patani	73
4.2.2.	Penubuhan Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR)	74
4.2.3	Reaksi Kerajaan Thailand	77
4.3	Penentangan Masyarakat Melayu	78
4.4	Penentangan Kerajaan Thai	79
4.5	Akhir Rwayat Hidup Haji Sulong	81
4.6	Perjuangan Rakyat Patani selepas Kewafatan Haji Sulong	83
4.6.1	Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN)	84
4.6.2	Patani United Libration Organization (PULO)	85
4.6.3	Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP)	86
4.7	Kesimpulan	86
 <b>BAB 5 : RUMUSAN</b>		 87
5.1	Kesimpulan	92
 <b>RUJUKAN</b>		 94
 <b>LAMPIRAN</b>		 102

## SENARAI FOTO

	<b>Halaman</b>
Foto 2.1 : Meriam Seri Patani	26
Foto 2.2 : Makam Raja Kuning	30
Foto 2.3 : Bunga Emas Kerajaan Patani kepada Kerajaan Thai	32
Foto 3.1 : Muhammad bin Abdul Kadir (Haji Sulong)	44
Foto 3.2 : Kitab Gugusan Cahaya Keselamatan yang diharamkan Oleh kerajaan Thai.	51
Foto 3.3 : Madrasah al-Ma'arif al-Wataniah Pertama di Patani	61
Foto 4.1 : Manifesto GEMPAR	74
Foto 4.2 : Haji Wan Osman dan Che Ishak Abbas ditenggelamkan di Pulau Tikus, Senggora	81



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Jumlah Penduduk Muslim di Selatan Thailand	34
Jadual 3.1 : Silsilah Keluarga Haji Sulong	46
Jadual 3.2 : Kandungan Karya Gugusan Cahaya Keselamatan	50
Jadual 3.3 : Dasar Rattabiyom Kerajaan Phibun Songkhram	55
Jadual 3.4 : Polisi Kabinet Thai 1947	68
Jadual 4.1 : Syarat-Syarat Utama Rundingan	72
Jadual 4.2 : Syarat-Syaart Asas Tengku Mahmud Muhyiden kepada Thai	78
Jadual 4.3 : Objektif PULO	84
Jadual 4.4 : Tujuan PNBB	86



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA

	Halaman
Peta 2.1 : Peta Kerajaan Langkasuka	17
Peta 2.2 : Peta Kedudukan Patani	20
Peta 2.3 : Peta Wilayah Majoriti Melayu di Selatan Thailand	34



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Karya Khulasah Al Jawahir	99
Lampiran B : Karya Gugusan Cahaya Patani	99
Lampiran C : Dokumen Tuntutan 7 Perkara dalam Bahasa Thai	99
Lampiran D : Dokumen Surat Kenyataan Kehilangan Haji Sulong	99
Lampiran E : Majlis Agama Islam Patani	100
Lampiran F : Tasik Senggoran, tempat pencarian mayat Haji Sulong & bersemadi jasad beliau	100
Lampiran G : Tengku Mahmud Muhyidden Raja Melayu Terakhir	101
Lampiran H : Phibun Songkhram Perdana Menteri Thai	101
Lampiran I : Raja Siam Chulalangkorn	101
Lampiran J : Tengku Abdul Kadir	102
Lampiran K : Muhammad Amin (anak Haji Sulong)	102
Lampiran L : Peta Wilayah-Wilayah Melayu Islam	102

## SENARAI SINGKATAN

<b>GEMPAR</b>	-	Gabungan Melayu Patani Raya
<b>GPP</b>	-	<i>Patani Liberation Movement</i>
<b>BRN</b>	-	Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani
<b>PULO</b>	-	<i>Patani United Liberation Organization</i>
<b>BNP</b>	-	Barisan Nasional Pembebasan Patani
<b>GMIP</b>	-	Gerakan Muhajiden Islam Patani
<b>BIPP</b>	-	Barisan Pembebasan Patani



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada perjuangan-perjuangan yang dilakukan oleh Muhammad bin Abdul Kadir atau lebih tepat lagi dikenali sebagai Haji Sulong dalam memperjuangkan nasib masyarakat Melayu Patani di wilayah Selatan Thailand. Kawasan yang dimaksudkan dalam kajian ini merangkumi wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan sebahagian wilayah Songkhla kerana sebahagian besar kawasan ini dihuni oleh penganut agama Islam di Thailand yang dahulunya juga dikenali sebagai Kesultanan Melayu Patani.<sup>1</sup> Dalam pada itu, pada tahun 1902, Kerajaan Thailand meletakkan sepenuhnya wilayah tersebut di bawah kekuasaan mereka sehingga telah menimbulkan pelbagai konflik dalam kalangan masyarakat Melayu Patani terutamanya untuk menghadapi cabaran bagi mengekalkan sosio-politik, identiti agama, mahupun wilayah mereka serta mendapat kebebasan daripada cengkaman pihak Thai.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan perjuangan politik Islam yang memperlihatkan nama ulama seperti Haji Sulong akan sentiasa menjadi sebutan. Hal ini kerana beliau merupakan ulama yang sering membawa pembaharuan khususnya dalam memperjuangkan idea politik Islam dan memimpin masyarakat Melayu Patani berteraskan perjuangan keislaman. Tambahan pula, Haji Sulong melihat sendiri peristiwa-peristiwa buruk yang berlaku melalui dasar asimilasi Thailand yang telah membawa perubahan drastik sepanjang era nasionalis di Selatan Thailand yang mana telah mengagung-agungkan konsep 'bangsa, agama, dan raja. Bukan itu sahaja, mereka juga telah mengawal hal ehwal masyarakat Melayu semata-mata untuk mengukuhkan kekuasaan. Oleh itu, bab ini akan mengutarakan permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan literatur kajian, skop kajian dan pembahagian kajian.

---

<sup>1</sup> W. K. Che Man, Muslim Separatism The Morros of Southern Philipines and the Malays of Southern Thailand, *Journal of Asian Studies*, 50(2), 2011, hlm. 450-452.



## 1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan pertama dalam kajian ini terlebih dahulu akan mengenalpasti latar belakang Patani dan sejarah perkembangan politik Islam di Patani. Jika dilihat dari kebanyakan negara Asia Tenggara pada abad ke 14 hingga 17 Masihi, Kerajaan Islam Patani merupakan sebuah kerajaan yang pada ketika begitu maju kerana terletak di kawasan yang strategik di antara laluan perdagangan Cina dan India. Malahan jika dilihat Patani telah mencapai zaman keemasannya ketika pemerintahan Ratu. Namun demikian, kemashyuran atau zaman kegemilangan sesebuah kerajaan tidak akan terlepas dari ancaman pihak penjajah. Walhal, terdapat pandangan yang mengatakan bahawa telah berlaku konflik yang lebih berasas kepada politik kebangsaan dan bukannya berasaskan kepada agama. Namun demikian, corak perjuangan dan pemikiran berunsurkan keislaman telah dapat diperbaharui dengan kehadiran ulama yang telah menyebarkan dakwah Islam. Oleh itu, persoalan kajian yang pertama ini akan meneliti; Bagaimanakah sejarah latar belakang Patani dan perkembangan politik Islam di Patani?

Permasalahan kajian yang kedua pula adalah untuk mengenalpasti riwayat hidup Haji Sulong dan bentuk-bentuk perjuangan berteraskan Islam yang dibawa oleh beliau. Konflik-konflik yang dialami masyarakat Melayu Patani dalam menghadapi pelaksanaan dasar Phibun Songkhram (Perdana Menteri Thai) hingga memaksa masyarakat Melayu Patani menjalani keidupan dan tradisi barat yang diterapkan dalam masyarakat Thai yang sememangnya tidak dinafikan bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru, persoalan kepemimpinan telah muncul disebabkan pada ketika itu tidak terdapat para ulama yang berpengalaman dalam menghadapi para birokrat Thailand. Golongan diraja Patani juga tidak mampu untuk meneruskan perjuangan dan putus asa terhadap situasi yang berlaku. Namun demikian, nasib masyarakat Melayu Patani tidak terus berada dalam keadaan penderitaan dan kegelapan disebabkan munculnya seorang tokoh ulama yang berkarismatik iaitu Haji Sulong yang amat sesuai dalam mengetuai gerakan politik pada ketika itu. Oleh hal demikian, persoalan kajian kedua pula yang akan diteliti dalam kajian ini ialah; Siapakah Haji Sulong dan apakah perjuangan gerakan politik Islam yang dibawa oleh beliau?

Seterusnya, permasalahan kajian yang ketiga adalah untuk mengenalpasti kesan-kesan perjuangan Haji Sulong. Pengorbanan Haji Sulong dalam membela nasib masyarakat Melayu Patani daripada diskriminasi pihak Thai terlalu besar sehingga beliau sanggup dipenjarakan. Haji Sulong sentiasa berusaha mengembangkan dakwahnya bagi mewujudkan penyatuan dan membangkitkan semangat umat Islam Patani. Walaubagaimanapun, isu

berkenaan penahanan beliau telah menimbulkan pelbagai tentangan dan bantahan mahupun rasa tidak puas hati yang timbul daripada masyarakat Melayu mahupun pihak Thai itu sendiri. Oleh itu, persoalan terakhir yang akan diteliti dalam kajian ini ialah; Apakah reaksi-reaksi yang timbul kesan daripada perjuangan Haji Sulong?

### **1.3 Objektif Kajian**

Sesebuah pengkajian seharusnya dijalankan berlandaskan kepada objektif-objektif yang relevan, pernyataan realistik dan jelas seiring dengan metodologi yang digunakan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa pengkaji dapat memenuhi kriteria yang dititikberatkan di dalam sesuatu penyelidikan. Objektif-objektif kajian juga hendaklah selari dengan persoalan kajian yang akan ditentukan.

Objektif kajian yang pertama akan menjelaskan latar belakang sejarah Patani dan perkembangan awal politik Islam di Patani. Ia akan membincangkan sejarah latarbelakang Patani meliputi pensejarahan awal Patani, penyebaran awal agama Islam di Patani, serta turut memperincikan zaman kegemilangan Patani menerusi pemerintahan Ratu-Ratu dan menjelaskan kemerosotan Kerajaan Melayu Patani sehingga berakhirnya empayar Melayu Islam. Seterusnya, pengkaji juga akan menjelaskan berkenaan latar belakang masyarakat Islam Patani meliputi pelbagai aspek dan membincangkan sejarah perkembangan awal politik Islam di Patani.

Objektif kajian yang kedua pula akan menjelaskan sejarah riwayat hidup Haji Sulong dan perjuangan gerakan Islam yang dibawa oleh Beliau. Kajian ini akan memperlihatkan riwayat hidup haji Sulong yang sememangnya memiliki banyak pengorbanan dan pembaharuan yang dapat membuktikan perjuangan Haji Sulong yang begitu meluas dan menyeluruh dalam mendaulatkan kembali Patani dan agama Islam menerusi Politik dan pembaharuan.

Objektif kajian yang ketiga pula akan menjelaskan reaksi-reaksi perjuangan masyarakat Melayu Patani dan kerajaan Thailand terhadap perjuangan Haji Sulong. Dalam kajian ini akan meneliti kesan perjuangan Haji sulong sebagai tokoh politik Islam.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dihasilkan ini dapat membawa kepentingan dalam memperkenalkan kepada umum berkenaan perkembangan politik Islam di Patani yang dipimpin oleh seorang tokoh ulama iaitu Haji Sulong. Hal ini kerana isu ini masih kurang diberi perhatian dalam kajian ilmiah berkenaan masyarakat Melayu Patani. Kajian Perpustakaan juga didapati masih kurang berkenaan kajian ini di mana ianya didapati hanya merangkumi perbincangan idea politik Islam serta kajian tokoh yang lebih banyak menjurus kepada kajian di Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Justeru kajian mengenai kepemimpinan Haji Sulong amat menarik untuk ditulis kembali. Walaupun terdapat penulisan yang membahaskan berkenaan perpolitikan Haji Sulong namun ia hanya sebahagian kecil kerana ianya kurang terperinci sehingga pembaca mengalami kesulitan untuk memahami hasil penulisan. Tambahan pula didapati penulisan ini sebahagiannya hanya ditulis oleh sarjana yang tidak memiliki ilmu disiplin sejarah misalnya dapat dilihat kebanyakan sarjana tergolong daripada disiplin politik dan dakwah. Oleh hal demikian, sejarah mengenai penelitian ini amat penting untuk diutarakan bagi mengungkap perjuangan Haji Sulong dengan menyeluruh.

Di samping itu, penulisan sebagaimana kajian ini penting untuk ditulis kerana perjuangan politik seorang tokoh ulama ini telah berjaya menerapkan semangat perjuangan rakyat Patani secara amnya. Ini dapat dibuktikan apabila tertubuhnya beberapa organisasi dan salah satu organisasi tersebut dapat dilihat menerusi Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR) yang dilihat telah berjuang bagi membela nasib pimpinan mereka khasnya ketika Haji Sulong menghadapi masalah. Justeru, penelitian kajian ini amat penting dan membolehkan tercapainya suatu pengetahuan umum mengenai semangat perjuangan rakyat Patani yang bersatu.

Akhir sekali, kajian ini penting agar dapat menjadi satu sumbangan kepada generasi hari ini dan akan datang kepada mereka yang berketurunan Patani. Hal ini kerana sejarah perjuangan masyarakat Melayu Patani amat mencabar seolah-olah kian dilupakan oleh masyarakat. Justeru kajian ini penting kepada umat Islam d Asia Tenggara disebabkan Patani pernah menjadi sebuah tamadun yang melahirkan ribuan ulama yang termasyur sejak berzaman lagi.

## 1.5 Sorotan Literatur

Dalam sorotan literatur ini, pengkaji akan mengemukakan bentuk-bentuk kajian yang terdiri daripada buku, artikel jurnal, dan tesis terdahulu yang boleh dijadikan sebagai nilai tambah dalam kajian yang dihasilkan.

Dalam buku yang bertajuk "Patani Dalam Tamadun Melayu" hasil kajian Mohd Zamberi A. Malek (1994).<sup>2</sup> Penulisan ini menyingkap berkenaan Patani yang bermula daripada Sejarah Kerajaan Patani sehingga keadaan Patani dalam konteks masa kini. Buku ini memiliki kandungan yang lengkap menjelaskan latar belakang Patani termasuklah isu berkenaan kepercayaan, adat dan ulama-ulama Patani. Buku ini juga telah memberi gambaran mengenai kejayaan peradaban Melayu dan Islam serta bagaimana acuan politik yang berlatarbelakangkan keserakahan tamadun itu sendiri. Malahan, secara tidak langsung buku ini memaparkan tahap pencapaian yang dilalui oleh keturunan Melayu Patani pada sewaktu kejayaannya dan kedudukannya sebagai tempat tumpuan pengkajian Islam Nusantara. Walaubagaimanapun, buku ini tidak menyajikan metode kornologi yang meliputi urutan masa berlakunya sesuatu peristiwa.

Selain itu, berdasarkan penulisan Ahmad Fathy al-Fatani menerusi judul buku "Pengantar Sejarah Patani" (1994),<sup>3</sup> buku ini membahaskan keadaan Patani sebelum dan semasa pemerintahan Thai ketika masyarakat Patani di bawah pimpinan Haji Sulong. Buku ini memperlihatkan ketokohan Haji Sulong yang amat signifikan dalam memimpin masyarakat Melayu daripada pelaksanaan dasar politik Thai Ratthamanoon di bawah kendalian Phibul Songkhram. Selain itu, buku ini memperlihatkan bagaimana dasar pelaksanaan pihak Thai yang telah mengubah pelbagai corak hidup masyarakat Melayu Patani ke arah tradisi Barat sehingga menimbulkan rasa bantahan dan tidak puas hati daripada pihak-pihak yang terlibat. Justeru, buku ini secara lengkapnya memaparkan ketokohan Haji Sulong dalam mengatur pelbagai strategi khasnya untuk membela nasib masyarakat Melayu Patani dalam penerapan politik yang diterapkan oleh kerajaan Thai. Justeru, buku ini adalah lengkap dan berupaya dijadikan sumber bagi mengetahui sejarah perjuangan tokoh ulama Patani.

Seterusnya, terdapat kajian tesis yang bertajuk "Metode Dakwah Organisasi Islam dalam perkembangan Tamadun Islam di Selatan Thailand" yang ditulis oleh Abdullah Uma

---

<sup>2</sup> Mohd Zamberi A Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 319.

<sup>3</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Pustaka Darussalam, Alor Setar, 1994, hlm. 122.

(2013)<sup>4</sup> di mana kajian ilmiah ini lebih memfokuskan kepada pelaksanaan dakwah ekoran daripada keadaan pada ketika itu memperlihatkan masyarakat Melayu Islam Patani berada dalam kehidupan yang menderita. Walaubagaimanapun, masyarakat Melayu Patani menubuhkan organisasi-organisasi tertentu berteraskan Islam dengan pelbagai metod yang disajikan menerusi penggunaan bahasa Melayu dan Thai. Walaubagaimanapun kajian ini lebih memfokuskan kawasan Patani yang terdiri daripada wilayah Yala dan Narathiwat dan hanya membincangkan faktor-faktor metod dakwah dan ianya tidak menekankan kepada isu kajian ini tentang perjuangan Haji Sulong kepada masyarakat Melayu Patani.

Kajian yang berikutnya pula merupakan buku hasil karya Mohd. Lazim Lawi yang bertajuk "Penyelewengan Jemaah Al-Arqam dan Usaha Pemurniannya" (2004).<sup>5</sup> Kajian ini membahaskan perkembangan agama di Patani yang mana pada umumnya dikaitkan dengan kepercayaan orang Melayu Patani termasuklah sejarah perkembangannya. Selain itu, penulisan ini mengutarakan kemasukan awal agama Islam di Patani serta membahaskan berkenaan ulama yang telah berperanan menyampaikan dakwah Islam di Patani. Malahan ianya juga memperincikan bagaimana pengajian pondok dilaksanakan serta turut menekankan karya-karya yang dihasilkan oleh ulama yang sangat signifikan sebagai pusat penyebaran Islam. Walaubagaimanapun, penulisan ini tidak menyentuh ulama seperti Haji Sulong menerusi penyebaran dakwah Islam beliau dalam melakukan perubahan kepada masyarakat Melayu Islam Patani.

Seterusnya adalah kajian daripada buku daripada Ahmad Omar Chapiaka yang berjudul "Politik dan Perjuangan Masyarakat Islam di Selatan Thailand 1902-2002 (2002)"<sup>6</sup> membahaskan berkenaan politik Thai daripada pelbagai sudut dan memperlihatkan corak kehidupan masyarakat Melayu Patani meliputi pelbagai aspek. Penulis menjelaskan permulaan politik di Selatan Thailand dengan perkaitannya dengan kerajaan Langkasuka sehingga pemerintahan diambil alih oleh Siam. Ia turut menunjukkan bagaimana para pemimpin bergerak menerusi pelbagai parti politik sehingga berjaya mengambil alih perlantikan tertinggi dalam hierarki politik Thailand. Justeru, buku ini juga tidak menekankan corak perjuangan Haji Sulong terhadap masyarakat Patani.

---

<sup>4</sup> Abdullah Uma, *Metode Dakwah Organisasi Islam dalam Perkembangan Tamadun Islam di Selatan Thailand*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 2013, hlm. 15.

<sup>5</sup> Mohd. Lazim Lawee, *Penyelewengan Jemaah Al-Arqam dan Usaha Pemurniannya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 130.

<sup>6</sup> Ahmad Omar Chapiaka, *Politik dan Perjuangan Masyarakat Islam di Selatan Thailand 1902-2002*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Cetakan Pertama, 2002, hlm. 310-309.

Di samping itu, daripada Jurnal Historica yang ditulis oleh Rosana & Sumardi yang bertajuk "*The Nationalism Movement of Islam Independence of Patani Southern Thailand (1902-1945)*" (2017).<sup>7</sup> Artikel ini lebih membahaskan berkenaan nasionalisme Islam Patani di Selatan Thailand. Penulis membahaskan bagaimana keadaan Patani pada ketika itu yang melibatkan berbagai rusuhan dan kekuasaan yang berlaku daripada kerajaan Thai. Seterusnya, penulis juga membahaskan bagaimana strategi atau usaha gerakan nasionalisme dalam menghadapi tekanan-tekanan pihak Thai dan turut diselitkan bagaimana reaksi daripada masyarakat Melayu Islam terhadap dasar politik rathaniyom dan para ulama yang berjuang untuk menuntut kedaulatan dan kemerdekaan. Justeru, kandungannya lebih memperincikan nasionalisme Patani tanpa menekankan perjuangan Ulama sebagaimana dalam memimpin masyarakat.

Selain itu, menerusi sebuah jurnal hasil penulisan Husam Lamato, Nurul Umamah dan Sumorna yang bertajuk "*The Role of Haji Sulong In Fighting Special Autonomy for Patani Southern Thailand (1947-1954)*" (2017).<sup>8</sup> Artikel ini menyingkap tentang sejarah Patani Selatan Thailand serta perjuangan seorang tokoh terkemuka iaitu Haji Sulong berlandaskan kepada aspek politik Patani khususnya di bahagian Selatan Thailand. Kajian ini menjelaskan terdapat pelbagai usaha yang dilakukan Haji Sulong yang bermatlamat mengubah masyarakat Patani ke arah memahami hukum agama dengan betul misalnya dalam penubuhan lembaga politik dan banyak lagi. Selain itu artikel ini juga membahaskan reaksi yang terlibat dalam perjuangan Haji Sulong meliputi daripada reaksi masyarakat Melayu Patani dan pemerintah. Namun demikian, didapati melalui penulisan ini masih lagi kurang yang dibincangkan berkenaan sejarah Patani bahkan penulis menyarankan agar generasi akan datang membangkitkan kembali berkenaan masyarakat Patani itu sendiri melalui penulisan. Walaubagaimanapun, penulisan ini dapat menjadi sumber tambahan kepada penulis untuk menjelaskan peranan Haji Sulong dan reaksi-reaksi yang terlibat dalam perjuangan beliau.

Seterusnya, melalui Jurnal "Transformasi Isu dalam Penyelesaian Konflik Patani di Selatan Thailand" yang ditulis oleh Che Mohd Azizi dan Mohamd Zaki (2019),<sup>9</sup> artikel ini

---

<sup>7</sup> Rosana & Sumardi Sugianto, *The Nationalism Movement of Islam for Independence of Patani Southern Thailand (1902-1945)*, *Jurnal Historica*, 1(1), 2017, hlm. 65-78.

<sup>8</sup> Husam Lamato, *et al.*, *The Role of Haji Sulong In Fighting Special Autonomy For Patani Southern Thailand (1947-1954)*, *Jurnal Historica*, 1(1), 2017, hlm. 47-64.

<sup>9</sup> Che Mohd Aziz & Mohammad Zaki, *Transformasi Isu dalam Penyelesaian Konflik Patani di Selaatan Thailand*, *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46(1), 2019, hlm. 131-154.

membincangkan transformasi isu kemerdekaan Masyarakat Melayu Patani ketika mereka berada dalam pengawasan dan diskriminasi. Penulisan ini membahasakan elemen dan transformasi konflik dan dasar pendekatan pihak Thai. Identiti dan budaya ditekankan dalam konteks penulisan ini sebagai faktor tuntutan kemerdekaan ke atas masyarakat Patani. Walaubagaimanapun, penulisan hanya menyentuh mengenai *Patani Liberation Movement* (GPP) yang menuntut kemerdekaan tanpa menyentuh perjuangan politik Islam daripada ulama Patani.

Berikutnya, terdapat juga jurnal yang bertajuk "Problems in The Thai Patani Malay Islamic Education" yang ditulis oleh Hifza & Asalam (2019)<sup>10</sup> di mana jurnal ini membahasakan berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Muslim Patani ekoran daripada penguasaan kerajaan Thailand. Dalam penelitian penulis, ia lebih memfokuskan perubahan yang dialami menerusi sistem pendidikan di mana pelbagai perubahan diterapkan dalam dasar Thai yang melarang penggunaan bahasa, tulisan serta perayaan Islam. Justeru, perbincangan ini telah menunjukkan pelbagai pergelutan yang dialami dan dirasai oleh masyarakat Muslim Patani dan kerajaan Thai sehingga melahirkan beberapa organisasi Islam misalnya *Pattani United Liberation Organization* (PULO), Barisan Revolusi Nasional (BRN) dan Gerakan Mujahiden Islam Pattani (GMIP) yang berjuang untuk melakukan tentangan terhadap kerajaan Thai.

Seterusnya melalui *Journal of Asian Studies* hasil kajian Raymond Seupin yang bertajuk "*Islam and Malay Nationalism: A Case of the Malay Muslims of Southern Thailand*" (1988)<sup>11</sup> ini pula memberi tumpuan kepada kepemimpinan politik kerajaan menerusi sokongan masyarakat yang teguh kepada kepercayaan agama. Menerusi kajian ini telah ditekankan peranan Haji Sulong dalam membangkitkan semangat kebangsaan Melayu. Kandungan jurnal ini meliputi dekad tahun 1970-an khususnya di mana dikaitkan pertalian politik kebangsaan Thai yang membawa perjuangan secara damai. Tokoh ini dijelaskan mempercayai idea perjuangan politik yang seharusnya berlandaskan mengembalikan kesecuan Islam.

Malahan, terdapat juga penulisan Tesis oleh Uin Syarif Hidayatullah yang bertajuk "Perjuangan politik Haji Sulong di Patani Thailand" (2010).<sup>12</sup> Kajian ilmiah ini juga ini

---

<sup>10</sup> Hifza & Aslan, Problems in the Thai Patani Malays Islamic Education, *Al Ulum*, 19(2), 2019, hlm. 387-401.

<sup>11</sup> Raymond Seupin, Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay Muslims of Southern Thailand, *Journal of Asian Studies*, 47(3), 1988, hlm. 713-714.

<sup>12</sup> Uin Syarif Hidayatullah, *Perjuangan Politik Haji Sulong di Patani Thailand (1947-1954)*, Tesis Jurusan Sejarah Peradaban Islam, Fakultas Adab dan Humaniora, Jakarta, 2010, hlm. 61.

memperlihatkan pelbagai perkonflikan yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat Patani dalam kehidupan sosial, agama, ekonomi, politik yang membawa kepada ketidakadilan. Justeru daripada masalah berkenaan dijelaskan adanya perjuangan seorang tokoh termasyhur dalam mengangkat kedudukan orang-orang Melayu Patani daripada pelbagai bentuk diskriminasi. Justeru, sorotan ini akan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkenaan perjuangan Haji Sulong dalam perkembangan politik Islam.

Selain itu menerusi penulisan yang bertajuk "Perjuangan Muslim Patani: Sejarah Panjang Penindasan dan Cita-cita Perdamaian di Patani Darussalam" oleh Herry Nurdi (2010),<sup>13</sup> buku ini membincangkan diskriminasi mahupun penindasan yang sering dilalui oleh masyarakat Muslim di mana kehidupan masyarakat ditunjukkan hidup dalam keadaan yang penuh konflik yang berpanjangan di wilayah Selatan Thailand. Pelbagai halangan telah diajukan dalam segenap aspek kehidupan masyarakat dan mereka tuut dijauhkan daripada menganuti budaya mereka sendiri dan dipesongkan dari ajaran Islam sebenar. Tambahan pula, penulisan ini penuh dengan peristiwa pembunuhan, penculikan dan perampasan hak-hak kemanusiaan. Penulisan ini adalah lengkap menunjukkan perjuangan muslim Patani, walaubagaimanapun, ia tidak menceritakan tahap-tahap perjuangan seorang tokoh yang bagi membela nasib masyarakat yang tertindas.

Tambahan pula, menerusi penulisan buku Nik Anuar Nik Mamud dalam "Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954, (2006)<sup>14</sup> pula telah diceritakan kelahiran lebih ramai tokoh-tokoh ulama dan gugurnya pejuang-pejuang yang kemudiannya mendapat dorongan daripada tuan-tuan pondok termasuklah Haji Sulong sendiri. Penulis menyatakan pengakhiran Kesultanan Melayu Patani akibat daripada tipu helah yang dilakukan Phy Sri Shadbeb ke atas Tengku Abdul Kadir. Malahan berkenaan perjuangan orang Melayu Patani menghalau Jepun dan mengharapkan bantuan British kepada situasi yang berlaku. Oleh itu kajian ini dilihat tidak begitu menyeleruh terhadap perjuangan Haji Sulong dalam perkembangan politik masyarakat Islam Patani namun pengkaji masih boleh menjadikannya sebagai rujukan dalam kajian ini. Hal ini kerana menerusi buku ini juga ada menjelaskan berkenaan pembunuhan Haji Sulong pada tahun 1954 sehingga membawa kepada gerakan kebangsaan Patani yang terpaksa bergerak secara terbatas.

---

<sup>13</sup> Herry Nurdi, *Perjuangan Muslim Patani: Sejarah Panjang Penindasan dan Cita-cita Perdamaian di Patani Darussalam*, Kuala Lumpur: Alam Maya Enterprise, 2010, hlm. 210.

<sup>14</sup> Nik Anuar Nik Mamud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 133.